

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR
KETIKA MENCADANGKAN RANCANGAN UNDANG-
UNDANG MAJLIS AMANAH RAKYAT DIBACAKAN
BAGI KALI YANG KEDUA DI DEWAN RAKYAT PADA
10 NOVEMBER, 1965

Tuan Yang di-Pertua,

Saya dengan sukacita dan bangganya mengemukakan ke Dewan ini untuk pertimbangan dan persetujuan suatu rang undang-undang yang sangat penting dan mustahak bagi kemajuan negeri ini iaitu rang undang-undang untuk menubuhkan suatu Perbadanan yang dinamakan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Tuan Yang di-Pertua, tujuan dan cita-cita hendak menubuhkan suatu perbadanan seperti yang tersebut ialah dengan tujuan supaya ada sebuah lembaga yang boleh menjalankan dasar Kerajaan untuk memperbaiki iktisad rakyat di luar bandar dan memberi mereka itu peluang yang lebih besar dan luas lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Sehingga hari ini tugas itu telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau RIDA, akan tetapi RIDA telah ditubuhkan pada masa penjajahan dahulu dan tidak mempunyai bentuk, nafas dan jiwa yang boleh menjalankan tugas yang penting ini — sesuai dengan hasrat dan kehendak-kehandak rakyat dalam negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Dengan sebab itu difikirkan patutlah lembaga RIDA itu digantikan dengan lembaga yang baharu yang mempunyai bentuk, nafas dan jiwa yang baharu. Penubuhan lembaga Majlis Amanah Rakyat ini telah dipersetujui oleh Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan pada bulan Jun yang lalu dan 69 ketetapan telah diluluskan oleh Kongres itu.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini sebenarnya untuk memansuhkan lembaga RIDA dahulu — mengkebumikan dan digantikan dengan lembaga yang baharu ini — M A R A Segala pekerjaan-pekerjaan yang telah diperbuat oleh RIDA dahulu adalah ditamatkan dan dasar RIDA dan perjalanannya dahulu diberhentikan sama sekali. MARA adalah perbadanan yang baharu dengan mempunyai cara perjalanan yang baharu, bentuk pentadbirannya pun baharu. Dengan itu diharap apakala lulusnya rang undang-undang ini segala perkara-perkara yang berkaitan dengan RIDA dahulu dilupakan sama sekali dan kita mulakan dengan perbadanan yang baharu ini, MARA Kerajaan adalah mempunyai harapan yang penuh supaya cita-cita dan

hasrat rakyat di kampung-kampung di luar bandar untuk mendapat bahagian yang lebih sempurna dalam lapangan iktisad dan perniagaan itu dapat dilaksanakan dengan lebih giat dan sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sambil membentangkan rang undang-undang ini, saya suka menerangkan bahawa dalam pelaksanaan rancangan pembangunan negara dan luar bandar Kerajaan, kita telah sampai kepada tingkatan yang baharu iaitu tingkatan kita menjalankan usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar dan menolong mereka itu membesar dan meluaskan mata pencarian mereka itu. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas untuk menolong ahli-ahli bumiputera dan penduduk-penduduk luar bandar supaya mereka itu dapat mengambil bahagian yang lebih berkesan dan lebih sempurna lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Masalah memperbaiki iktisad penduduk-penduduk yang mundur dan berkeadaan daif ialah masalah kebangsaan disebabkan mustaliak kemajuan dan kemakmuran negara kita itu disampaikan kepada rakyat sehingga hari ini tidak dapat peluang menerima nikmat-nikmat yang tersebut.

Dalam bulan Jun tahun ini Kerajaan telah menganjurkan satu Kongres Ekonomi Bumiputera dengan tujuan hendak mendapat tahu daripada wakil-wakil bumiputera sendiri bagaimana cara-caranya mereka itu hendak mengambil bahagian yang lebih cergas lagi dalam lapangan iktisad di negara ini. Kongres itu telah bersidang 3 hari lamanya dan telah berbincang dengan panjang lebarnya di atas perkara ini dan telah meluluskan 69 ketetapan-ketetapan. Ketetapan-ketetapan ini telah diserahkan kepada Kerajaan dan Kerajaan telah memberi akuan bahawa Kerajaan akan cuba dengan sedaya upayanya untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan ini. Sehingga hari ini 4 ketetapan yang penting daripada 69 ketetapan itu telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan.

Kerajaan telah tubuhkan Bank Bumiputera; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agricultural Marketing Authority); dan sebuah Syarikat Kebangsaan National Cooperation. Dan sekarang saya membentangkan rang undang-undang untuk menubuhkan Majlis Amanah Rakyat atau MARA.

Sungguhpun rang undang-undang bagi menubuhkan M A R A ini hanya dapat dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat pada hari ini, akan tetapi MARA telah ditubuhkan semenjak selepas sahaja Kongres Ekonomi Bumiputera bersidang dan jentera pentadbiran MARA telahpun diatur dan MARA telahpun mula menjalankan tugas-tugasnya. Tugas MARA ialah hendak menjalankan apa juga langkah yang difikirkan patut untuk memajukan iktisad-iktisad dan

masyarakat rakyat Malaysia, terutama sekali mereka-mereka yang duduk di luar bandar. Tanggungjawab dan kuasa Majlis ini adalah disebut satu persatu dalam Fasal 6 rang undang-undang ini. Sungguhpun rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh M A R A akan memberi nikmat dan faedah kepada ahli-ahli bumiputera negara ini disebabkan mereka itulah sebenar-benarnya berkehendakkan pertolongan bagi mendapatkan bahagian yang lebih besar dan lebih luas dalam lapangan iktisad dan perusahaan. Akan tetapi M A R A akan memberi pertolongan juga kepada warganegara Malaysia yang lain yang mundur dalam lapangan iktisad ini dan berkehendakkan bantuan-bantuan seperti ahli-ahli bumiputera juga.

Seperti saya telah sebutkan, MARA adalah mempunyai dasar dan tugas yang penting. Dengan sebab itu langkah yang pertama yang telah diambil ialah mengatur jentera pentadbiran MARA ini. MARA ada mempunyai seorang Pengerusi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan dasar-dasar MARA, akan tetapi di bawah Pengerusi itu ada beberapa bahagian-bahagian yang diketuai oleh seorang Pengarah bagi tiap-tiap bahagian. Pada masa ini telah ditubuhkan 7 bahagian:

bahagian:

- (1) Bahagian Pentadbiran
- (2) Bahagian Kewangan dan Kira-kira
- (3) Bahagian Latihan
- (4) Bahagian Pinjaman Wang
- (5) Bahagian Pengangkutan
- (6) Bahagian Perdagangan dan Perusahaan
- (7) Bahagian Perkhidmatan-perkhidmatan (Advisory Services Division).

Tiap-tiap seorang Pengarah bahagian-bahagian ini diberi kuasa yang penuh untuk menjalankan rancangan-rancangan dalam bahagian masing-masing di bawah pandangan dan jagaan Pengerusi MARA. Pengarah-pengarah bahagian ini telahpun dipilih, melainkan Pengarah Bahagian Perkhidmatan. Pengarah-pengarah ini adalah daripada orang-orang yang difikirkan mempunyai semangat dan kelayakan untuk menjalankan tugas masing-masing. Saya telahpun memberi perintah kepada Pengerusi, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai M A R A yang ada sekarang ini bahawa mereka itu adalah dikehendaki menjalankan tugas masing-masing dengan cergas, dengan penuh semangat dan keikhlasan dan mustahak segala pekerjaan yang dijalankan itu akan mendapat hasil dengan sepenuh-penuhnya. Saya telah memberi arahan juga bahawa tiap-tiap rancangan yang dijalankan oleh M A R A mustahaklah berjaya dan tiap-tiap pertolongan yang diberi oleh MARA mustahak memberi kehasilan dengan sepenuhnya. Tugas yang akan dijalankan oleh MARA adalah dibahagi kepada 3 bahagian yang besar.

YANG PERTAMA

M A R A akan memberi latihan kepada ahli-ahli perniagaan dari pihak bumiputera yang difikirkan mempunyai semangat dan kemahuan hendak menjalankan perniagaan. Mereka itu akan diberi latihan, kemudian, jika perlu, diberi pinjaman wang untuk modal dan selepas daripada itu diberi didikan dan nasihat sehingga ahli-ahli perniagaan itu dapat menjalankan perniagaan masing-masing dengan sempurna dan dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Alam perniagaan ialah alam yang penuh dengan perlawanan dan orang-orang yang hendak mendapat kejayaan dalam perniagaan mustahaklah, selain daripada mempunyai modal yang cukup, mempunyai pengetahuan dan pengalaman serta semangat dan jiwa yang kuat. Dengan sebab itulah mustahak diadakan latihan dan latihan akan diberi bukan sahaja kepada orang-orang yang hendak menjalankan perniagaan dengan bersendirian bahkan kepada mereka-mereka yang suka hendak bekerja dengan gedung-gedung yang besar untuk mencari nafkah masing-masing. Dewan latihan RIDA di Petaling Jaya dahulu akan dibesar dan diluaskan lagi supaya dapat memberi latihan kepada pemuda pemudi dari kampung-kampung dengan lebih ramai lagi. Dalam lapangan ini, ketiga-tiga bahagian M A R A iaitu Bahagian Latihan; Bahagian Pinjaman Wang dan Bahagian Perkhidmatan, adalah bersama-sama mengambil peranan masing-masing.

YANG KEDUA

Lapangan yang kedua bagi M A R A menjalankan tugasnya ialah lapangan pengangkutan. Di sini RIDA dahulu dan sekarang M A R A telah memberi pertolongan-pertolongan kepada syarikat-syarikat bumiputera untuk menjalankan perkhidmatan bas dan juga teksi di kawasan-kawasan luar bandar. Pertolongan-pertolongan ini akan diteruskan dan sekarang dasarnya telahpun diubah. Pada masa akan datang ini segala perkhidmatan-perkhidmatan bas di luar bandar hendaklah, pada permulaannya, dijalankan oleh M A R A dan M A R A sedia hendak memberi peluang kepada penduduk-penduduk tempatan untuk memberi saham-saham yang mereka itu kehendaki. M A R A akan menjalankan perkhidmatan bas itu dengan memberi latihan kepada penduduk-penduduk tempatan supaya apabila perkhidmatan bas itu telah berjalan dengan sempurna dapat diserahkan kepada penduduk-penduduk tempatan untuk menjalankannya. Dengan cara yang demikian, diharap tiap-tiap perkhidmatan bas itu dapat dijalankan dengan sempurna dan teratur dan tidak mendatangkan kerugian kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang hendak mengambil bahagian dalam perusahaan ini. Pada masa-masa yang lalu ada syarikat-syarikat yang telah menjalankan perkhidmatan ini, tetapi disebabkan tidak mendapat latihan dan jagaan yang sempurna, sebahagian daripada syarikat-syarikat itu telah tidak berjaya dan kebanyakannya men-

datangkan kerugian kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Selain daripada itu pihak RIDA dahulu MARA sekarang ini terpaksa menolong memperbaiki syarikat-syarikat yang rugi itu dengan mengadakan 'gerakan menyelamatkan kerana syarikat-syarikat itu hendak tenggelam dan lemas.

YANG KETIGA

Lapangan yang ketiga ialah lapangan perusahaan dan perdagangan. Di sini MARA berharap dapat menolong rakyat di luar bandar mengadakan perusahaan yang kecil ataupun sederhana dan memberi pertolongan kepada perusahaan-perusahaan yang sedang dijalankan sekarang ini. MARA harap dapat memberi bantuan dan pertolongan supaya perusahaan-perusahaan itu berjalan dengan jaya dan maju. Satu rancangan yang sedang diatur dalam lapangan ini ialah penubuhan satu Syarikat Kebangsaan atau National Cooperation seperti yang dikehendaki oleh Kongres Ekonomi Bumiputera dahulu. Langkah telahpun diambil untuk menubuhkan satu Syarikat Kebangsaan dalam lapangan perusahaan hutan kerana lapangan ini adalah difikirkan ahli-ahli bumiputera di luar bandar ada mempunyai peluang-peluang yang luas untuk mengambil bahagian dengan sempurna, dengan tidak berkehendakkan pengalaman atau pengetahuan yang dalam. Inilah tiga lapangan MARA akan menjalankan tugas-tugasnya dan MARA berharap akan mendapat kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. pihak.

Seperti saya sebutkan tadi, dasar MARA adalah berlainan dengan dasar dan perjalanan RIDA dahulu. Sungguhpun MARA ada mempunyai Bahagian Pinjaman Wang, akan tetapi MARA hanya akan memberi pinjaman wang kepada orang-orang yang mana MARA telah beri latihan dan kepada orang-orang yang MARA fikir boleh berjaya dalam lapangan perusahaan dan perniagaan. Dan lagi orang-orang yang berkehendakkan pinjaman wang daripada MARA mustahaklah menurut didikan dan ajaran serta nasihat daripada MARA sehingga MARA puas hati yang mereka itu boleh berdiri di atas kakinya sendiri. Orang-orang yang lain yang berkehendakkan bantuan wang terpaksa mereka itu pergi kepada badan-badan yang lain terutama sekali kepada Bank Bumiputera yang telahpun ditubuhkan.

Begitu juga dasar MARA bagi menubuh dan menggalakkan perusahaan-perusahaan dan perdagangan dan menjalankan perkhidmatan ialah hendak memberi faedah kepada sebahagian besar daripada rakyat negara ini atau dalam bahasa Inggeris "to broaden the base of economy" supaya tiap-tiap perusahaan itu dapat memberi faedah kepada sebahagian daripada rakyat di luar bandar atau ahli-ahli bumiputera terutama sekali.

Dasar Kerajaan hendak menolong rakyat di luar bandar atau ahli-ahli bumiputera terutama sekali supaya dapat mengambil bahagian yang lebih besar dan lebih luas lagi dalam lapangan iktisad dan perniagaan ialah supaya mereka-mereka yang mundur, yang miskin dan yang tidak mempunyai peluang dapat diberi peluang dan dapat meninggikan taraf hidup mereka itu dan jikalau mereka itu mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi dan pendapatan yang lebih besar, tidak dapat tiada ini akan memberi faedah kepada negara dan memberi faedah kepada penduduk-penduduk di bandar-bandar atau ahli-ahli perniagaan di bandar-bandar. Jikalau rakyat yang pada masa ini miskin dapat diberi pendapatan yang lebih tinggi lagi, nescaya mereka itu mempunyai kekuatan membeli atau 'purchasing power' yang lebih besar lagi. Dengan itu akan menambah lagi kemakmuran kepada pemodal-pemodal dan ahli-ahli perniagaan di bandar-bandar juga. Dengan sebab itulah dasar Kerajaan dalam lapangan ini ialah hendak menjadikan pembahagian iktisad di negara kita ini diantara penduduk-penduduk di luar bandar dengan penduduk-penduduk di bandar atau dalam bahasa Inggeris: "to correct the economic imbalance between the urban and rural people" supaya kemajuan dan kemakmuran negara kita dapat dinikmati oleh semua pihak penduduk-penduduk negara ini. Begitu juga seperti saya telah sebutkan, M A R A akan memberi bantuan bukan sahaja kepada ahli-ahli bumiputera bahkan kepada rakyat negara ini daripada bangsa-bangsa asing juga yang mempunyai keadaan seperti ahli-ahli bumiputera yang berkehendakkan pertolongan dan bantuan dalam lapangan iktisad dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan MARA ini, ada beberapa bahagian-bahagian yang akan bertugas untuk memperbaiki iktisad rakyat. Kerajaan telah tubuhkan Bank Bumiputera dengan tujuan hendak memberi bantuan kepada rakyat luar bandar dan ahli-ahli bumiputera terutama sekali bagi menjalankan perniagaan dan perusahaan. Begitu juga Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama telah menubuhkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agricultural Marketing Authority) dengan tujuan hendak memperbaiki pasaran bagi barang-barang keluaran dari daerah-daerah luar bandar dan lagi dalam Persidangan ini rakan saya Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian¹ akan mengemukakan satu rang undang-undang untuk menubuhkan satu lagi lembaga yang bertujuan hendak menolong menjayakan tanah-tanah yang dipunyai oleh rakyat di luar bandar supaya tanah-tanah itu dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan hati dan dapat memberi sepenuh-penuh faedah kepada mereka-mereka yang memilikinya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, nyatalah dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan itu, Kerajaan adalah bersungguh-sungguh berusaha hendak menjalankan apa jua ikhtiar-ikhtiar dan langkah-langkah yang patut untuk mem-

¹Encik Abdul Rahman bin Ya'kub

perbaiki keadaan hidup rakyat yang mundur dan untuk memberi pertolongan kepada rakyat yang berkehendakkan pertolongan bagi membesar dan meluaskan mata pencarian mereka itu. Akan tetapi dalam semua perkara-perkara ini yang penting sekali ialah rakyat sendiri terutama mereka yang duduk di kampung-kampung dan kerjasama. Mereka itu hendaklah menzahirkan semangat atau jiwa yang betul-betul ingin kepada kemajuan dan kemakmuran. Kerajaan hanyalah dapat memberi pertolongan kepada mereka-mereka yang mempunyai jiwa atau semangat yang berani berkorban dan bekerja untuk mencapai kemajuan-kemajuan yang mereka itu kehendaki. Kesimpulannya; kemajuan dan kebahagiaan bagi rakyat hanyalah dapat dicapai dengan usaha dan tenaga rakyat sendiri, dibantu dan ditolong oleh pihak Kerajaan. Bagi pihak Kerajaan, seperti saya telah terangkan Kerajaan akan mengambil apa jua langkah-langkah yang patut bagi menolong rakyat, di negara kita, yang mundur yang miskin dan yang dahaga kepada kemajuan. Saya yakin dan percaya kalau mereka itu sebenar-benarnya menunjukkan semangat dan jiwa dan sebenar-benarnya berani berusaha dan bertenaga untuk memperbaiki keadaan hidup mereka itu, saya yakin dan percaya ahli-ahli bumiputera dan rakyat di luar bandar akan dapat meningkat kepada kemajuan-kemajuan di lapangan iktisad yang mereka itu cita-cita dan kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menerangkan satu persatu butir-butir dalam rang undang-undang ini kerana tujuan dan dasar yang terkandung di dalamnya adalah terang dan nyata. Saya hanya bercadang hendak melantik wakil-wakil dari Sabah dan Sarawak di mana cawangan-cawangan M A R A telah ditubuhkan. Saya sekarang ini dengan sukacitanya mengemukakan rang undang-undang M A R A ini dibacakan kali yang keduanya.